

# 'Saya mohon maaf'

*Pernah mengikuti pengajian di Kolej Pertanian Malaya, tetapi tidak tamat pengajian*

JOHOR BAHRU

**M**enteri Besar Johor, Datuk Osman Sapi-an mengesahkan pernah mengikuti pengajian di Kolej Pertanian Malaya yang kini dikenali

**KONTROVERSI  
IJAZAH PALSU**

sebagai Universiti Putra Malaysia (UPM) sebelum ini.

"Berkaitan isu akademik saya yang dikatakan mendapat Ijazah Perakaunan dari UPM, untuk makluman saya pernah mengikuti pengajian di Kolej Pertanian Malaya sebelum dinaiktaraf kepada UPM, namun tidak menamatkan pengajian.

"Adalah di luar pengetahuan saya apabila muncul di beberapa



OSMAN

laman sesawang menyatakan saya berke-lulusan Diploma dan Ijazah Perakaunan dari UPM," katanya ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (LTAS) di sini, semalam.

Osman berkata, atas rasa tanggungjawab, beliau telah mengarahkan segala maklumat berkaitan perkara itu diturunkan serta-merta daripada mana-mana laman web rasmi.

"Oleh itu, saya dengan penuh rasa rendah diri memohon maaf kepada seluruh rakyat Malaysia terhadap kekeliruan dan salah faham berhubung kelayakan akademik saya.

"Saya turut berharap agar perkara ini tidak perbesarkan lagi oleh mana-mana pihak," katanya.

Sebelum ini, Osman ketika ditanya pemberita mengenai perkara itu di Kulai, memilih tidak menjawab soalan tersebut, malah pada satu majlis di Segamat baru-baru ini, beliau mengatakan akan mengeluarkan kenyataan berhubung perkara berkenaan.